

Industri pembinaan pacu Malaysia capai status maju

BERITA HARIAN 27/7/2017 p. 4

Kuala Lumpur: Industri pembinaan antara sektor utama yang akan membantu Malaysia mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang 2020.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof, berkata industri itu kini rancak berkembang selepas beberapa projek utama negara diumumkan, antaranya laluan Kereta Api Pantai Timur (ECRL), Kompleks Pembangunan Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia di Pengerang (RAPID) serta Lebuhraya Pan Borneo.

Katanya, projek pembangunan hartanah komersial juga meningkatkan permintaan sektor pembinaan seperti projek Bandar Malaysia, Vision Valley Malaysia di Negeri Sembilan, Pusat Bandaraya Cyberjaya, Taman Perindustrian Kuantan (Pahang) dan Gateway Melaka.

“Ringkasnya, kami menjangka

peluang yang berlimpah untuk industri pembinaan.

Laksana projek dengan teliti

“Jadi, penggiat industri pembinaan di negara ini perlu memainkan tanggungjawab mereka melaksanakan sesuatu projek dengan rapi dan teliti bagi mencapai standard kualiti yang setinggi mungkin dari segi kelestarian.

“Mereka perlu melaksanakan projek bukan sahaja untuk meraih faedah kemakmuran ekonomi, malah bertanggungjawab dengan melaksanakan projek pembinaan dengan teliti mengikut piawaian kualiti yang ditetapkan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Persidangan Kejuruteraan Awam Global (GCEC) anjuran Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini, semalam.

Yang turut hadir, Naib Canselor

UPM, Prof Dr Aini Ideris dan Dekan Fakulti Kejuruteraan UPM merangkap Pengerusi GCEC, Prof Datuk Ir Dr Mohd Saleh Jaafar.

Persidangan yang bermula kelmarin hingga esok disertai lebih 200 peserta dari dalam dan luar negara, termasuk United Kingdom (UK), Singapura dan Turki.

Antara pembentang pakar pada persidangan itu ialah Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Dr Zaini Ujang; Perunding Kejuruteraan Geoteknik University Sheffield, UK, Prof Emeritus Dr Adrian Hyde; Pakar Kejuruteraan Hacettepe Universitesi Turki, Prof Dr Candan Goklu; Pensyarah Jabatan Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar National University Singapore, Prof Dr Fwa Tien Fang dan jurutera Jabatan Kerja Raya (JKR), Kamaluddin Abdul Rashid.

[FOTO HALIM SALLEH/BH]



Fadillah bersama Aini ketika melawat pameran sempena Persidangan Kejuruteraan Awam Global anjuran UPM di Kuala Lumpur, semalam